

04 JUL 1998

DAP-CPF

ISU CPF: DAP SOKONG MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- DAP hari ini menyokong saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kerajaan Singapura tidak mendiskriminasikan rakyat Malaysia dari semenanjung dan Sabah dan Sarawak dalam pengeluaran caruman dari Kumpulan Wan Simpanan Pusat Singapura (CPF).

Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang berkata kerajaan Singapura harus membenarkan semua rakyat Malaysia mengeluarkan CPF apabila mereka berhenti kerja dan meninggalkan republik itu.

Dianggarkan 50,000 rakyat Malaysia menanggung CPF dengan jumlah caruman sebanyak S\$1 bilion atau RM2.5 bilion, katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata dasar sekarang yang membenarkan pekerja dari negara lain dan dari Sabah dan Sarawak mengeluarkan caruman mereka apabila mereka berhenti kerja dan meninggalkan Singapura, "jelas menunjukkan diskriminasi dan membahagikan rakyat Malaysia kepada dua kategori, sesuatu yang sepatutnya tidak dilakukan oleh negara jiran."

Lim berkata selepas 33 tahun Malaysia dan Singapura berpisah, sudah tiba masanya kerajaan Singapura mengakui bahawa layanan diskriminasi sedemikian, walaupun hasil daripada "hubungan sejarah", kini langsung tidak boleh diterima.

"Ia adalah ujian terhadap kesediaan kerajaan Singapura untuk mengekalkan hubungan baik dengan Malaysia dengan mengambil inisiatif untuk menamatkan diskriminasi 33 tahun dalam pengeluaran caruman CPF untuk rakyat Malaysia, tanpa perlu melalui rundingan diplomatik dan perbincangan dua hala yang tidak menyenangkan," katanya.

Ketua Pembangkang itu juga berharap Kabinet Singapura, pada mesyuaratnya yang akan datang, akan membuat satu keputusan dasar dan mengumumkan bahawa rakyat Malaysia dari semenanjung akan dilayan seperti rakyat Malaysia dari Sabah dan Sarawak serta dibenarkan mengeluarkan caruman CPF.

"Ini juga akan menjadi satu langkah kejiranan yang baik memandangkan Malaysia memerlukan caruman rakyatnya yang berjumlah RM2.5 bilion itu berikutan kegawatan ekonomi kini," kata Lim.

-- BERNAMA

ES NAK